

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN SPESIFIKASI BAGI PEMBELIAN TERUS, SEBUT HARGA DAN TENDER

1. PENDAHULUAN

1.1. Garis panduan ini disediakan untuk rujukan Agensi semasa menyediakan spesifikasi perolehan dalam melaksanakan pembelian terus, sebut harga dan tender. Ini bagi memastikan Agensi mendapat pembekalan / perkhidmatan yang dikehendaki dan mengelakkan kekeliruan kepada pihak pembekal semasa membuat penawaran pembekalan / perkhidmatan.

2. GARIS PANDUAN PENYEDIAAN SPESIFIKASI BAGI PELAWAAN TAWARAN HARGA MODUL PEMBELIAN TERUS

2.1. Agensi diwajibkan untuk membuat carian katalog terlebih dahulu bagi melaksanakan kaedah pembelian terus. Agensi hanya dibenarkan membuat Pelawaan Tawaran Harga (*Simple Quote*) sekiranya hasil carian item dan pembekal melalui katalog mendapati perkara-perkara di bawah:

- 2.1.1. Terdapat kurang daripada tiga (3) pembekal tempatan;
- 2.1.2. Terdapat keperluan khusus/ tambahan kepada spesifikasi item;
- 2.1.3. Tiada hasil carian item; atau
- 2.1.4. Melibatkan perolehan bermasa

2.2. Bagi melaksanakan Pelawaan Tawaran Harga, Agensi hendaklah mengambil langkah-langkah berikut:

- 2.2.1. Agensi hendaklah mengenal pasti jenis item yang ingin diperoleh sama ada produk atau perkhidmatan untuk dikunci masuk di Jadual Senarai Produk atau Jadual Senarai Perkhidmatan yang mana berkenaan.
- 2.2.2. Setiap item hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) spesifikasi bagi membolehkan Pelawaan Tawaran Harga diteruskan.
- 2.2.3. Maklumat yang dikunci masuk dalam Jadual Senarai Produk / Perkhidmatan bagi jenis pemenuhan *one-off* akan dibawa ke Modul Pemenuhan. Manakala, maklumat yang dikunci masuk dalam Jadual Senarai Perkhidmatan bagi jenis pemenuhan bermasa akan dibawa ke Modul Pengurusan Kontrak. Oleh itu, Agensi hendaklah memastikan maklumat yang dikunci masuk adalah tepat bagi mengelakkan kesilapan semasa membuat pesanan dan pengiraan formula pembayaran.

- Jenis Pemenuhan
- Unit Ukuran
- Kekekapan / Unit Ukuran
- Bilangan Unit Ukuran Sehari
- Bilangan Unit Ukuran Sebulan
- Tempoh (Bulan)
- Kuantiti
- Spesifikasi

a. Jadual Senarai Produk

Agensi hendaklah mengunci masuk maklumat berikut:

- i. Nama Item
Nama item merujuk kepada nama barang yang hendak dibeli.
- ii. Unit Ukuran
Unit Ukuran merujuk kepada asas ukuran bagi menentukan harga seunit untuk ditawarkan oleh pembekal dan akan digunakan untuk menentukan harga seunit semasa pembayaran dibuat.
- iii. Jenis Harga
Bagi perolehan dengan zon / tanpa zon, terdapat 2 jenis pilihan harga seperti berikut:
 - Biasa Standard – Agensi memilih kategori harga ini sekiranya mengkehendaki pembekal untuk menawarkan satu kadar harga sahaja per UoM.
 - Berperingkat Standard - Agensi memilih kategori harga ini sekiranya mengkehendaki pembekal untuk menawarkan beberapa kadar harga berdasarkan lingkungan kuantiti pesanan tertentu seperti contoh berikut:

Lingkungan Kuantiti (ditentukan oleh Agensi)	Harga Tawaran (ditawarkan oleh pembekal)
1 hingga 300 unit	RM12/unit
301 hingga 600 unit	RM10/unit

Agensi perlu menetapkan sekurang-kurangnya dua (2) peringkat lingkungan kuantiti jika jenis harga Berperingkat Standard dipilih.

- iv. **Kuantiti**
Agensi hendaklah mengunci masuk kuantiti yang diperlukan bagi setiap item berkaitan. Kuantiti dengan digit perpuluhan juga dibenarkan bagi unit ukuran tertentu, antaranya adalah seperti berikut:
 - Berat (Contoh: kilogram / tan)
 - Panjang (Contoh: meter / kilometer)
 - Isipadu (Contoh: meter padu / liter)
- v. **Tempoh Penghantaran (hari)**
Agensi hendaklah menetapkan tempoh penghantaran yang dikehendaki dari pihak pembekal. Pengiraan tempoh penghantaran akan bermula dari Tarikh Mula Penghantaran yang akan ditetapkan semasa membuat Permintaan Pembelian (*Purchase Request*). Agensi hendaklah menganggarkan tempoh penghantaran dengan mengambilkira tempoh kelulusan Pesanan Kerajaan (LO) dan pengesahan penerimaan LO oleh pembekal.
- vi. **Spesifikasi**
Spesifikasi merujuk kepada kriteria atau ciri-ciri item yang hendak diperoleh.

b. Jadual Senarai Perkhidmatan

Agensi hendaklah mengunci masuk maklumat berikut:

- i. **Nama Item**
Nama item merujuk kepada nama perkhidmatan yang hendak diperoleh.
- ii. **Jenis Pemenuhan**
Agensi hendaklah menetapkan jenis pemenuhan sama ada *one-off* atau bermasa. Bagi jenis pemenuhan bermasa, Surat Setuju Terima perlu dikeluarkan selepas kelulusan Nota Minta diperoleh. Agensi hendaklah melengkapkan butiran pemenuhan dan perjanjian di dalam Modul Pengurusan Kontrak setelah Surat Setuju Terima yang disahkan oleh pembekal terlebih dahulu bagi membolehkan pesanan kontrak dikeluarkan.
- iii. **Unit Ukuran**
Unit Ukuran merujuk kepada asas ukuran bagi menentukan harga seunit untuk ditawarkan oleh pembekal dan akan

digunakan untuk menentukan harga seunit semasa pembayaran dibuat.

iv. Kekurangan / Unit Ukuran

Maklumat kekurangan hanya diguna pakai bagi unit ukuran berikut:

▪ *Hour*

Contoh:

- Kawalan keselamatan – 2 pengawal bagi setiap jam
- Penyewaan dewan – 1 dewan bagi setiap jam

▪ *Day*

Contoh:

- Pembersihan – 1 pakej perkhidmatan sehari
- Penyewaan Mesin Penyalin - 1 pakej perkhidmatan sehari

▪ *Month*

Contoh:

- Pembersihan – 1 pakej perkhidmatan sebulan
- Penyewaan Mesin Penyalin - 1 pakej perkhidmatan sebulan

▪ *Person*

Contoh:

- Katering – 1 pakej perkhidmatan
- Latihan – 1 pakej latihan

v. Bilangan Unit Ukuran Sehari

Hanya terpakai bagi jenis pemenuhan bermasa dan terpakai bagi unit ukuran '*hours*' sahaja.

- Contoh: Kawalan Keselamatan – 2 syif sehari

vi. Bilangan Unit Ukuran Sebulan

Hanya terpakai bagi jenis pemenuhan bermasa dan untuk unit ukuran '*hours*' dan '*days*' sahaja

Contoh:

- Kawalan Keselamatan – bilangan hari perkhidmatan diperlukan dalam sebulan
- Katering - bilangan hari perkhidmatan diperlukan dalam sebulan

vii. Tempoh (Bulan)

Hanya terpakai bagi jenis pemenuhan bermasa. Merujuk kepada bilangan bulan perkhidmatan diperlukan.

viii. Kuantiti

Agensi hendaklah mengunci masuk kuantiti yang diperlukan bagi setiap item berkaitan. Kuantiti yang dikunci masuk

merujuk kepada bilangan yang diperlukan bagi setiap unit ukuran dengan mengambil kira elemen berikut:

- Kekерapan / Unit Ukuran
- Bilangan Unit Ukuran Sehari
- Bilangan Unit Ukuran Sebulan
- Tempoh (Bulan)

Kuantiti dengan digit perpuluhan juga dibenarkan bagi unit ukuran tertentu, antaranya adalah seperti berikut:

- Berat (Contoh: kilogram / tan)
- Panjang (Contoh: meter / kilometer)
- Isipadu (Contoh: meter padu / liter)

ix. Spesifikasi

Spesifikasi merujuk kepada kriteria atau ciri-ciri item yang hendak diperoleh.

Bagi perolehan perkhidmatan, hanya satu (1) jenis harga sahaja dibenarkan iaitu harga *standard*. Jika perolehan dilaksanakan mengikut zon, pembekal perlu menawarkan harga mengikut zon.

2.2.4. Nota Peringatan

- Sistem akan menjana satu (1) permintaan pembelian bagi satu-satu perolehan yang mengandungi maklumat-maklumat yang sama:
 - i. Pembekal
 - ii. Tajuk
 - iii. Kategori Jenis Perolehan
 - iv. Tempoh Penghantaran / Perkhidmatan
 - v. Penyedia kepada Permintaan Pembelian / Surat Setuju Terima
 - vi. Jenis Pemenuhan (*one-off* / bermasa)
 - vii. Jenis Harga
 - viii. Tempoh (Bulan) - Pelawaan Tawaran Harga bagi perolehan perkhidmatan sahaja. Tempoh ini merujuk kepada tempoh kontrak.
- Agensi hendaklah memastikan semua maklumat-maklumat di atas dikunci masuk dengan seragam sekiranya item-item yang terlibat adalah dalam satu (1) perolehan bagi mengelakkan berlakunya pecah kecil.

3. GARIS PANDUAN PENYEDIAAN SENARAI SEMAK TEKNIKAL DAN SPESIFIKASI BAGI MODUL SEBUT HARGA DAN TENDER

3.1. Penyediaan Senarai Semak Teknikal

3.1.1. Agensi hendaklah menyediakan senarai semak teknikal untuk dipenuhi oleh pembekal bagi tujuan semakan pematuhan dan penilaian. Senarai semak teknikal terdiri daripada:

- a. Item beserta spesifikasi. Ia merupakan dokumen wajib dalam senarai semak. Setiap spesifikasi yang dikunci masuk wajib ditentukan jenis maklum balas yang dikehendaki dari pembekal, jenis skor dan skema skor.
- b. Elemen / kriteria lain yang diperlukan daripada pembekal untuk tujuan penilaian. Senarai elemen / kriteria lain ini boleh dipilih dari senarai semak standard yang telah disediakan mengikut kategori perolehan atau Agensi boleh menambah apa-apa elemen / kriteria baharu mengikut keperluan. Contoh elemen / kriteria lain adalah seperti keperluan untuk pembekal mengemukakan dokumen sokongan atau melengkapkan dokumen yang telah dimuat naik oleh Agensi. Setiap elemen / kriteria yang dikunci masuk boleh ditentukan jenis tindakan yang perlu dibuat oleh pembekal, keperluan untuk dibuat penilaian atau tidak, atau memadai dengan pematuhan dokumen sokongan sahaja.

3.1.2. Mencipta Templat Item dan Spesifikasi

- a. Agensi boleh menyediakan spesifikasi dengan kaedah berikut:
 - i. mencipta templat item dan spesifikasi baharu dengan menggunakan templat kosong;
 - ii. mengguna pakai templat item dan spesifikasi yang disediakan oleh pencadang spesifikasi; atau
 - iii. mengguna pakai templat item dan spesifikasi daripada perolehan sebut harga atau tender yang lepas.

3.1.3. Templat

- a. Agensi hendaklah terlebih dahulu menetapkan jenis templat yang hendak digunakan sama ada templat produk atau perkhidmatan dengan memilih jenis item sama ada produk atau perkhidmatan berdasarkan item. Penentuan jenis templat yang hendak digunakan tidak bergantung kepada jenis perolehan yang hendak dilaksanakan (bekalan / perkhidmatan).

- b. Sekiranya sesuatu perolehan melibatkan kombinasi pembekalan produk dan perkhidmatan, templat berasingan berdasarkan item yang hendak diperolehi sama ada item produk atau perkhidmatan hendaklah digunakan dalam penyediaan item dan spesifikasi.
- c. Agensi juga boleh mengenal pasti sama ada terdapat keperluan untuk item/perkhidmatan yang ingin diperolehi diasing-asingkan mengikut kumpulan tertentu supaya beberapa templat boleh diwujudkan bagi memudahkan proses kunci masuk item beserta spesifikasi.

Contoh 1: Templat Produk

Perolehan Membekalkan Rangsang Bahan Mentah Basah dan Kering

Templat 1 - Ikan

Templat 2 - Sayur-sayuran

Templat 3 - Buah-buahan

Templat 4 - Seafood

Contoh 2: Templat Perkhidmatan

Perolehan Perkhidmatan Membersih Bangunan dan Pejabat

Templat 1 – Membersih Pejabat

Templat 2 – Mencuci Tandas

Templat 3 – Memotong Rumput

Contoh 3: Kombinasi Templat Produk dan Perkhidmatan

Perolehan Membekalkan Alat Penghawa Dingin

Templat 1 – Alat Penghawa Dingin

Templat 2 – Pemasangan Alat Penghawa Dingin

3.1.4. Jenis Barangan Tempatan/Import

- a. Agensi perlu menetapkan jenis barangan sama ada keluaran tempatan atau import. Perolehan barang import hendaklah dilaksanakan mengikut tatacara semasa yang berkuat kuasa dan kelulusan hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Pegawai Pengawal. Sekiranya barang yang diperolehi merupakan sebahagian barang tempatan dan sebahagian lagi barang import, templat yang berasingan hendaklah disediakan.

3.1.5. Wajaran Spesifikasi

- a. Terdapat dua (2) jenis wajaran spesifikasi seperti berikut:
 - i. Secara Terus – Agensi boleh memilih jenis wajaran spesifikasi ini sekiranya ingin membuat penilaian dengan terus menentukan pemarkahan ke atas spesifikasi tawaran pembekal dengan andaian wajaran bagi setiap spesifikasi

adalah sama. Kaedah ini adalah sesuai untuk perolehan yang tidak kompleks.

- ii. Mengikut Keutamaan – Agensi boleh memilih jenis wajaran spesifikasi ini sekiranya ingin membuat penilaian dengan menetapkan wajaran bagi setiap spesifikasi mengikut keutamaan dalam penentuan markah.

3.1.6. Penyediaan Spesifikasi

a. Templat Produk

Agensi hendaklah mengunci masuk maklumat berikut:

- i. Nama Item
Nama item merujuk kepada nama barang yang hendak dibeli.
- ii. Unit Ukuran
Unit Ukuran merujuk kepada asas ukuran bagi menentukan harga seunit untuk ditawarkan oleh pembekal dan akan digunakan untuk menentukan harga seunit semasa pembayaran dibuat.
- iii. Jenis Harga
Bagi perolehan dengan zon / tanpa zon, terdapat 2 jenis pilihan harga seperti berikut:
 - Biasa Standard – Agensi memilih kategori harga ini sekiranya mengkehendaki pembekal untuk menawarkan satu kadar harga sahaja per UoM.
 - Berperingkat Standard - Agensi memilih kategori harga ini sekiranya mengkehendaki pembekal untuk menawarkan beberapa kadar harga berdasarkan lingkungan kuantiti pesanan tertentu seperti contoh berikut:

Lingkungan Kuantiti (ditentukan oleh Agensi)	Harga Tawaran (ditawarkan oleh pembekal)
1 hingga 300 unit	RM12/unit
301 hingga 600 unit	RM10/unit

Agensi perlu menetapkan sekurang-kurangnya dua (2) peringkat lingkungan kuantiti jika jenis harga Berperingkat Standard dipilih.

iv. Kuantiti

Agensi hendaklah mengunci masuk kuantiti yang diperlukan bagi setiap item berkaitan. Kuantiti dengan digit perpuluhan juga dibenarkan bagi unit ukuran tertentu, antaranya adalah seperti berikut:

- Berat (Contoh: kilogram / tan)
- Panjang (Contoh: meter / kilometer)
- Isipadu (Contoh: meter padu / liter)

v. Spesifikasi

Spesifikasi merujuk kepada kriteria atau ciri-ciri item yang hendak diperolehi.

b. Templat Perkhidmatan

Agensi hendaklah mengunci masuk maklumat berikut:

i. Nama Item

Nama item merujuk kepada nama perkhidmatan yang hendak diperolehi.

ii. Unit Ukuran

Unit Ukuran merujuk kepada asas ukuran bagi menentukan harga seunit untuk ditawarkan oleh pembekal dan akan digunakan untuk menentukan harga seunit semasa pembayaran dibuat.

iii. Kekerapan / Unit Ukuran

Maklumat kekerapan hanya diguna pakai bagi unit ukuran berikut:

- *Hour*
Contoh:
Kawalan keselamatan – 2 pengawal bagi setiap jam
Penyewaan dewan – 1 dewan bagi setiap jam
- *Day*
Contoh:
Pembersihan – 1 pakej perkhidmatan sehari
Penyewaan Mesin Penyalin - 1 pakej perkhidmatan sehari
- *Month*
Contoh:
Pembersihan – 1 pakej perkhidmatan sebulan
Penyewaan Mesin Penyalin - 1 pakej perkhidmatan sebulan

- *Person*
Contoh:
Katering – 1 pakej perkhidmatan
Latihan – 1 pakej latihan

- iv. Bilangan Unit Ukuran Sehari
Hanya terpakai bagi jenis pemenuhan bermasa dan terpakai bagi unit ukuran '*hours*' sahaja

Contoh: Kawalan Keselamatan – 2 syif sehari

- v. Bilangan Unit Ukuran Sebulan
Hanya terpakai bagi jenis pemenuhan bermasa dan untuk unit ukuran '*hours*' dan '*days*' sahaja

Contoh:
Kawalan Keselamatan – bilangan hari perkhidmatan diperlukan dalam sebulan
Katering - bilangan hari perkhidmatan diperlukan dalam sebulan

- vi. Kuantiti
Agensi hendaklah mengunci masuk kuantiti yang diperlukan bagi setiap item berkaitan. Kuantiti yang dikunci masuk merujuk kepada bilangan yang diperlukan bagi setiap unit ukuran dengan mengambil kira elemen berikut:

- Kecepatan / Unit Ukuran
- Bilangan Unit Ukuran Sehari
- Bilangan Unit Ukuran Sebulan

- vii. Spesifikasi
Spesifikasi merujuk kepada kriteria atau ciri-ciri item yang hendak diperolehi.

3.1.7. Nota Peringatan

- a. Bagi **Kategori Jenis Perolehan Perkhidmatan** yang melibatkan **Jenis Pemenuhan Bermasa**, pengiraan tawaran pembekal akan mengambil kira maklumat-maklumat berikut:
- i. Kecepatan / Unit Ukuran;
 - ii. Bilangan Unit Ukuran Sehari;
 - iii. Bilangan Unit Ukuran Sebulan;
 - iv. Kuantiti;
 - v. Harga seunit yang ditawarkan pembekal; dan
 - vi. Tempoh kontrak.

- b. Agensi hendaklah memastikan semua maklumat-maklumat di atas dikunci masuk dengan betul bagi mengelakkan kekeliruan di pihak pembekal supaya tidak tersalah membuat penawaran harga.

3.1.8. Penetapan Skor

- a. Terdapat tiga (3) jenis maklum balas yang boleh ditetapkan oleh Agensi untuk dikunci masuk oleh pembekal seperti berikut:
 - i. “Ya” atau “Tidak”;
 - ii. Mengunci masuk nilai digit; atau
 - iii. Mengunci masuk teks.
- b. Berdasarkan jenis maklum balas yang ditetapkan, Agensi boleh menentukan kaedah pemarkahan dengan memilih jenis skor automatik atau skor pengguna (manual) dan menetapkan skema skor seperti berikut:

Kaedah	Jenis Maklum Balas	Penetapan Jenis Skor	Contoh Skema Skor
1.	Ya atau Tidak	Automatik	Ya = 10 Tidak = 0
		Manual	Maksimum = 10
2.	Nombor	Automatik	Julat skor : 1 – 2 = 3 3 - 6 = 5 7 – 10 = 10
		Manual	Maksimum = 10
3.	Teks	Manual	Maksimum = 10

- c. Bagi kaedah 1 dan 2, Jawatankuasa Spesifikasi boleh menetapkan skor automatik atau skor pengguna (manual), manakala bagi kaedah 3, hanya skor pengguna (manual) sahaja dibenarkan.

3.1.9. Elemen / Kriteria lain

- a. Selain dari item serta spesifikasi, terdapat juga keperluan elemen / kriteria lain dalam menilai keupayaan teknikal pembekal.
- b. Agensi boleh menggunakan elemen / kriteria yang telah disediakan dalam senarai semak standard berdasarkan kategori perolehan (contoh: kawalan keselamatan, makanan bermasak dan lain-lain). Mekanisma yang perlu diambil tindakan oleh

Agensi atau pembekal ke atas elemen / kriteria tersebut telah ditetapkan di dalam sistem.

- c. Jika Agensi mempunyai elemen / kriteria yang tiada dalam senarai semak standard, Agensi boleh menambah elemen / kriteria tersebut ke dalam senarai semak dan menetapkan mekanisma yang perlu diambil tindakan oleh Agensi atau pembekal ke atas elemen / kriteria tersebut serta menentukan sama ada penilaian perlu dibuat atau tidak.
- d. Agensi perlu menetapkan sama ada elemen / kriteria di para 3.1.9.b dan 3.1.9.c di atas perlu dibuat penilaian atau tidak dengan menanda di ruangan 'skor' atau tidak perlu menanda apa-apa sekiranya hanya berhasrat untuk membuat pematuhan dokumen sokongan sahaja.
- e. Bagi perolehan yang memerlukan penghantaran sampel untuk penilaian, Agensi hendaklah:
 - i. Menetapkan penghantaran sampel sebagai salah satu item dalam senarai semak; dan
 - ii. Memuat naik senarai item yang memerlukan sampel.
- f. Bagi perolehan yang memerlukan sesi demonstrasi, ianya hanya dibenarkan untuk penilaian 2 peringkat sahaja. Agensi hendaklah menetapkan sesi tersebut sebagai salah satu item dalam senarai semak.
- g. Mekanisma, tindakan pembekal dan skor bagi elemen / kriteria adalah seperti berikut:

Bil	Mekanisma	Tindakan Pembekal	Penetapan Jenis Skor	Contoh Skema Skor
Senarai Semak Standard (Skor dikunci masuk semasa penyediaan Senarai Semak Teknikal)				<u>Skor Pengguna</u> Maksimum = 10 <u>Skor Automatik</u> Julat skor : 1 – 2 = 3 3 - 6 = 5 7 – 10 = 10
1.	Borang Atas Talian	Kunci Masuk	Pengguna	
2.	Janaan Sistem	Lihat	Pengguna Automatik	
3.	PTJ Muat Naik	Lihat Muat Turun dan Muat Naik	Pengguna	
4.	Pembekal Muat Naik	Muat Naik	Pengguna	

Elemen / kriteria Tambahan (Skor dikunci masuk semasa penyediaan Skor Teknikal)			
1.	PTJ Muat Naik	Lihat Muat Turun dan Muat Naik	Pengguna
2.	Pembekal Muat Naik	Muat Naik	Pengguna
3.	Sampel	Serahan Manual	Pengguna
4.	Demonstrasi	Secara Manual	Pengguna

3.2. Penyediaan Senarai Semak Kewangan

3.2.1. Agensi hendaklah menyediakan senarai semak kewangan untuk dipenuhi oleh pembekal bagi tujuan semakan pematuhan dan penilaian. Senarai semak kewangan terdiri daripada:

- a. Item. Tajuk templat dan item yang dikunci masuk di dalam senarai semak teknikal akan dibawa secara automatik ke senarai semak kewangan bagi tujuan kunci masuk jumlah harga indikatif setiap item.
- b. Elemen / kriteria lain yang diperlukan daripada pembekal untuk tujuan penilaian. Senarai elemen / kriteria lain ini boleh dipilih dari senarai semak standard yang telah disediakan atau Agensi boleh menambah apa-apa elemen / kriteria baharu mengikut keperluan. Contoh elemen / kriteria lain adalah seperti keperluan untuk pembekal mengemukakan dokumen sokongan atau melengkapkan dokumen yang telah dimuat naik oleh Agensi. Setiap elemen / kriteria yang dikunci masuk boleh ditentukan jenis tindakan yang perlu dibuat oleh pembekal, keperluan untuk dibuat penilaian atau tidak, atau memadai dengan pematuhan dokumen sokongan sahaja.

3.2.2. Jumlah Harga Indikatif Item dan Penetapan Skor

- a. Agensi hendaklah mengunci masuk jumlah harga indikatif bagi setiap item untuk keseluruhan kuantiti yang ditetapkan dalam senarai semak teknikal (harga indikatif seunit item x kuantiti item = jumlah harga indikatif per item)
- b. Agensi juga perlu menentukan kaedah pemarkahan dengan memilih jenis skor automatik atau skor pengguna (manual). Sekiranya penilaian adalah menggunakan pakai skor automatik, Agensi hendaklah menentukan varian dan skor bagi setiap item. Varian adalah peratus julat yang boleh diterima pakai dalam

penentuan harga tawaran yang munasabah. Berikut merupakan takrifan bagi skor yang melibatkan varian :

- i. Skor di bawah varian adalah markah yang boleh diberikan kepada harga tawaran pembekal yang berada di bawah varian.
- ii. Skor dalam varian adalah markah yang boleh diberikan kepada harga tawaran pembekal yang berada dalam julat varian.
- iii. Skor melebihi varian pula adalah markah yang boleh diberikan kepada harga tawaran pembekal yang berada di atas varian.

Contoh penentuan varian dan julat skor adalah seperti di bawah:
 Jumlah Harga Indikatif bagi item Laptop : RM30,000
 Varian yang ditetapkan : 10%
 Nilai Varian : $RM30,000 \times 10\% = \pm 3,000$

Dari Varian (%)	Hingga Varian (%)	Skor Di Bawah Varian	Skor Dalam Varian	Skor Melebihi Varian
10	10	20	40	20

Hasil penentuan varian dan skor mengikut julat adalah seperti berikut:

Julat	Nilai Harga (RM)	Skor
Di Bawah Julat	$\leq 27,000$	20
Dalam Julat	27,000 to 33,000	40
Di Atas Julat	$> 33,000$	20

3.2.3. Elemen / Kriteria lain Selain daripada penyediaan harga indikatif item, terdapat juga keperluan elemen / kriteria lain dalam menilai keupayaan kewangan pembekal.

- a. Agensi boleh menggunakan elemen / kriteria yang telah disediakan dalam senarai semak standard (contoh: Pengalaman Syarikat (Nilai Kontrak), Kemudahan Kredit, Aset dan Liabiliti serta lain-lain). Mekanisma yang perlu diambil tindakan oleh Agensi atau pembekal ke atas elemen / kriteria tersebut telah ditetapkan di dalam sistem.

- b. Jika Agensi mempunyai elemen / kriteria yang tiada dalam senarai semak standard, Agensi boleh menambah elemen / kriteria tersebut ke dalam senarai semak dan menetapkan mekanisma yang perlu diambil tindakan oleh Agensi atau pembekal ke atas elemen / kriteria tersebut serta menentukan sama ada penilaian perlu dibuat atau tidak.
- c. Agensi perlu menetapkan sama ada elemen / kriteria di para 3.2.3.a dan 3.2.3.b di atas perlu dibuat penilaian atau tidak dengan menanda di ruangan 'skor' atau tidak perlu menanda apa-apa sekiranya hanya berhasrat untuk membuat pematuhan dokumen sokongan sahaja.
- d. Mekanisma, tindakan pembekal dan skor bagi elemen / kriteria adalah seperti berikut:

Bil	Mekanisma	Tindakan Pembekal	Penetapan Jenis Skor	Contoh Skema Skor
Senarai Semak Standard (Skor dikunci masuk semasa penyediaan Senarai Semak Kewangan)				<p style="text-align: center;"><u>Skor Pengguna</u> Maksimum = 10</p> <p style="text-align: center;"><u>Skor Automatik</u> Julat skor : 1 – 2 = 3 3 - 6 = 5 7 – 10 = 10</p>
1.	Borang Atas Talian	Kunci Masuk	Pengguna	
2.	Janaan Sistem	Lihat	Pengguna Automatik	
3.	PTJ Muat Naik	Lihat Muat Turun dan Muat Naik	Pengguna	
4.	Pembekal Muat Naik	Muat Naik	Pengguna	
Elemen / Kriteria Tambahan (Skor dikunci masuk semasa penyediaan Skor Kewangan)				
1.	PTJ Muat Naik	Lihat Muat Turun dan Muat Naik	Pengguna	
2.	Pembekal Muat Naik	Muat Naik	Pengguna	

3.3. Penyediaan Skor Teknikal

- 3.3.1. Semua spesifikasi mengikut tajuk templat dan elemen / kriteria yang ditetapkan dalam senarai semak beserta skor yang telah dikunci masuk dalam senarai semak teknikal akan dibawa secara automatik ke paparan penyediaan Skor Teknikal.

- 3.3.2. Agensi hendaklah menentukan sama ada penilaian perlu dibuat berdasarkan wajaran elemen penilaian (mengikut kriteria penilaian) atau tidak. Wajaran elemen penilaian ialah peratus pemberat yang ditentukan bagi setiap kriteria penilaian.
- 3.3.3. Agensi juga hendaklah menetapkan peratusan markah lulus teknikal. Sekiranya perolehan memerlukan sesi demonstrasi, hanya pembekal yang melepasi markah lulus teknikal layak untuk dijemput bagi sesi tersebut dan peratusan markah lulus teknikal keseluruhan (markah lulus teknikal dan markah lulus demonstrasi) hendaklah ditetapkan.
- 3.3.4. Agensi perlu memuat naik skema permarkahan (skor secara manual) dan kriteria penilaian demonstrasi (jika ada) sebagai garis panduan semasa penilaian.

3.4. Penyediaan Skor Kewangan

- 3.4.1. Semua harga indikatif mengikut tajuk templat dan elemen / kriteria yang ditetapkan dalam senarai semak beserta skor yang telah dikunci masuk dalam senarai semak kewangan akan dibawa secara automatik ke paparan penyediaan Skor Kewangan.
- 3.4.2. Agensi hendaklah menentukan sama ada penilaian perlu dibuat berdasarkan wajaran elemen penilaian (mengikut kriteria penilaian) atau tidak. Wajaran elemen penilaian ialah peratus pemberat yang ditentukan bagi setiap kriteria penilaian.
- 3.4.3. Agensi juga hendaklah menetapkan skor kewangan berdasarkan pakej dan item.
 - a. Skor kewangan berdasarkan pakej adalah:
 - i. Jumlah Keseluruhan Harga Indikatif sebenar (jumlah harga anggaran Jabatan) beserta varian (%) dan skor (contoh +/- 5%).
 - ii. Menetapkan peratusan markah lulus pakej.

Contoh Jumlah Harga Indikatif Sebenar untuk keseluruhan perolehan berdasarkan pakej	: RM400,000
Varian yang ditetapkan	: 5%
Nilai varian	: $RM400,000 \times 5\% = \pm 20,000$

Dari Varian (%)	Hingga Varian (%)	Skor Di Bawah Varian	Skor Dalam Varian	Skor Melebihi Varian
5	5	20	40	20

Nota: Peratus varian dari dan hingga boleh menggunakan nilai yang berbeza. Hasil penentuan varian dan skor mengikut julat adalah seperti berikut:

Julat	Nilai Harga (RM)	Skor
Di Bawah Julat	=< 380,000	20
Dalam Julat	380,000 to 420,000	40
Di Atas Julat	> 420,000	20

- b. Skor kewangan berdasarkan item adalah:
- i. Menetapkan peratus skor untuk harga item dan elemen lain dan keseluruhan skor tidak melebihi 100%.
 - ii. Menetapkan peratusan markah lulus secara item.

Harga Item (%)	Elemen Lain (%)	Skor (%)
50	50	100

Contoh pengiraan pemarkahan secara item dengan markah lulus 70%

No.	Elemen	Skor Maksimum	Skor Pembekal 1	Skor Pembekal 2
1	Harga Item 1	50	40	30
2	Harga Item 2	30	15	28
	Skor Keseluruhan Item	80	60	50
3	Penyata Bank Untuk Tiga Bulan	40	30	20
4	Kemudahan kredit	20	15	10
5	Aset dan Liabiliti (Daripada Penyata Kewangan Syarikat)	20	20	15

6	Pengalaman Syarikat	20	15	10
	Skor Keseluruhan Elemen Lain	100	80	55
	Jumlah	180	140	105

Jenis Markah	Formula Pengiraan
Harga Item (50%)	Skor Item Pembekal / Skor Maksimum Item * Peratus Harga Item
Elemen Lain (50%)	Skor Elemen Lain Pembekal / Skor Maksimum Elemen Lain * Peratus Elemen Lain
Jumlah Markah	Jumlah Markah = Peratus Item + Peratus Elemen Lain

Nama Item	Kod Pembekal	Markah Item	Markah Elemen Lain	Jumlah Markah	Keputusan Berdasarkan Markah Lulus 70%
Item 1	1	$40/50 * 50\% = 40.00$	$80/100 * 50\% = 40.00$	80.00	Lulus
	2	$30/50 * 50\% = 30.00$	$55/100 * 50\% = 27.50$	57.50	Gagal
Item 2	1	$15/30 * 50\% = 25.00$	$80/100 * 50\% = 40.00$	65.00	Gagal
	2	$28/30 * 50\% = 46.67$	$55/100 * 50\% = 27.50$	74.17	Lulus

c. Skor kewangan berdasarkan item adalah:

- i. Peratusan markah harga setiap item dan elemen lain disenarai semak (contohnya penyata akaun bank untuk tiga (3) bulan) yang perlu diambil kira.
- ii. Menetapkan peratusan markah lulus item.
- iii. Agensi perlu memuat naik skema permarkahan (skor secara manual) sebagai garis panduan semasa penilaian.

3.5. Penyediaan Skor Keseluruhan

3.5.1. Skor teknikal dan kewangan akan digabungkan bagi mendapatkan skor keseluruhan penilaian. Agensi perlu melaksanakan perkara berikut bagi mendapatkan skor keseluruhan.

- 3.5.2. Menetapkan peratusan markah teknikal dan kewangan untuk diambilkira dalam pengiraan skor keseluruhan. Peratusan minima markah teknikal telah ditetapkan pada nilai 50% dan boleh dipinda kepada nilai yang lebih tinggi sekiranya perlu. Baki peratusan markah teknikal akan dijana sebagai peratusan markah kewangan. Penetapan ini perlu dibuat bagi kedua-dua skor keseluruhan untuk penilaian secara pakej atau item.
- 3.5.3. Bagi penilaian mengikut item, perkara-perkara berikut perlu diambil kira:
- Teknikal - Peratusan markah spesifikasi digabungkan dengan peratusan markah elemen lain bagi setiap item.
 - Kewangan – Peratusan markah kewangan digabungkan dengan peratusan markah elemen lain bagi setiap item.
- 3.5.4. Gabungan kedua-dua peratusan teknikal dan kewangan ini menjadikan jumlah skor 100%.
- 3.5.5. Penetapan peratusan markah lulus keseluruhan untuk tujuan pengesyoran kepada PBM adalah seperti contoh di bawah:

Mengikut Pakej			
Penilaian Teknikal (%)	50%		
Penilaian Kewangan (%)	50%		
Jumlah Skor	100%		
Markah Lulus	70%		
Mengikut Item			
	Item (Spesifikasi/ Harga) (%)	Elemen Lain (%)	Skor (%)
Penilaian Teknikal	20	30	50
Penilaian Kewangan	20	30	50
Jumlah Skor			100
Markah Lulus	70%		

3.6. Alamat Penghantaran

3.6.1. Alamat di mana sesuatu perolehan itu akan dihantar dan dilaksanakan boleh dinyatakan semasa penyediaan spesifikasi sebagai panduan kepada pembekal untuk penyediaan tawaran. Walau bagaimanapun, alamat tersebut masih boleh dikemaskini di dalam Modul Pengurusan Kontrak atau Modul Pemenuhan.

3.7. Pengesahan Spesifikasi

3.7.1. Spesifikasi yang telah disediakan hendaklah disahkan oleh ahli dan diperakui oleh Pengerusi Jawatankuasa Spesifikasi sebelum diserahkan kepada urusetia untuk penyediaan dokumen sebut harga/tender. Walau bagaimanapun, sekiranya urusetia menetapkan spesifikasi yang telah dikunci masuk perlu mendapat pengesahan di peringkat Kementerian, spesifikasi yang telah disahkan dan diperakui ini akan diserahkan kepada pelulus di peringkat Kementerian untuk tujuan kelulusan terlebih dahulu.

**Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia
16 Mac 2018**